



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PEGUAM NEGARA

KENYATAAN MEDIA

KEPUTUSAN UNTUK MENGADAKAN INKUES KES KEMATIAN ZARA QAIRINA

Jabatan ini merujuk kepada Kenyataan Media Jabatan Peguam Negara bertarikh 13 Ogos 2025 mengenai keputusan untuk menjalankan inkues bagi menentukan punca dan sebab kematian Zara Qairina, termasuk mengenal pasti sama ada terdapat unsur jenayah atau sebaliknya.

Sehubungan itu, Pengarah Pendakwaan Negeri Sabah telah membuat permohonan kepada Mahkamah Koroner Kota Kinabalu agar suatu inkues diadakan, selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 339(1) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

Mahkamah Koroner Kota Kinabalu telah menetapkan satu tarikh sebutan pada hari esok, Isnin, 18 Ogos 2025 bagi menetapkan tarikh-tarikh pendengaran inkues tersebut. Memandangkan kes ini adalah suatu kes yang berkepentingan awam, Jabatan ini akan memohon agar permohonan kes ini dipercepatkan demi memastikan keadilan dapat ditegakkan, bukan sahaja kepada keluarga Allahyarhamah Zara Qairina, tetapi juga demi kepentingan masyarakat umum.

JABATAN PEGUAM NEGARA
17 OGOS 2025